

PM Jawat Ekspo MSC-Multimedia

UM - 8 SEP 2001

KUALA LUMPUR 7 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meluahkan masa hampir dua jam melawat Ekspo MSC-Multimedia Asia (MSC—MAA) 2001 kali keenam yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Sebelum itu beliau telah merasmikan pembukaan ekspo selama tiga hari berakhir esok yang diadakan sempena mesyuarat kelima Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sedang berlangsung di sini.

Ekspo bertemakan “Agenda Asia: Penyertaan, Digital, Peluang Digital” itu bertujuan mempamerkan inovasi terkini dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Ekspo yang dianjurkan bersama oleh Majlis Teknologi Maklumat Malaysia dan Perbadanan Pembangunan Multimedia, telah berjaya menarik penyertaan lebih kurang 300 pempamer.

Di antara mereka termasuk agensi kerajaan, syarikat dotcom, syarikat

berkaitan ICT, syarikat Internet, pembangunan isian, penyedia rumusan, usahawan tekno, pembekal perkhidmatan aplikasi dan dalam talian serta lain-lain syarikat berkaitan teknologi maklumat (IT).

Acara lain yang turut diadakan serentak dengan ekspo tersebut ialah Teknologi Perbankan Asia 2001, Persidangan Dan Pameran CardEx Asia 2001 serta Persidangan Dan Pameran Simposium Pembelajaran Dalam Talian (SOLE) 2001.